

# Ambil alih konsesi secara berperingkat

UM - 25/2/2019 m/s: 3

**LANGKAWI 24 Feb.** - Kerajaan Pakatan Harapan (PH) akan mengambil alih konsesi lebuhraya lain secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan negara.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada masa ini, kerajaan hanya berkemampuan untuk melaksanakan di empat lebuhraya terlebih dahulu.

Katanya, untuk memberhentikan kutipan tol kerajaan terpaksa berbelanja besar bagi mengambil alih konsesi lebuhraya di seluruh negara.

"Kita tidak mungkin dapat menghapuskan sepenuhnya kutipan tol tetapi kita buat mengikut fasa iaitu waktu-waktu tertentu tidak perlu bayar, ada masa kena bayar.

"Kos amat tinggi dan pada mula ini kita tumpu apa yang mampu di Kuala Lumpur dan akan diperluaskan di tempat-tempat lain mengikut kemam-

puan," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Program Kampungku Sihat Peringkat Kebangsaan dan bertemu rakyat di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Langkawi di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Pejabat Perdana Menteri semalam dalam kenyataan menjelaskan kerajaan telah memulakan proses rundingan dengan Gamuda Bhd. (Gamuda) untuk mengambil alih konsesi empat lebuhraya yang dikuasai syarikat tersebut.

Lebuhraya berkenaan ialah Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Sistem Penyuratan Trafik KL Barat (Sprint), Lebuhraya Shah Alam (Kesas) dan Terowong Smart.

Mengikut cadangan pengambilalihan, kadar tol akan dihapuskan pada waktu bukan puncak antara pukul 11 malam hingga 5 pagi.



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** diiringi Dr. Dzulkefly Ahmad (kiri) memotong riben bagi melancarkan Program Kampungku Sihat Peringkat Kebangsaan